

**'KERAJAAN MEMANG AMALKAN DASAR TERBUKA
TAPI KADANG2 ADA YANG MELAMPAUI BATAS'**

Elakkan cakap boleh sakitkan hati - PM

KUALA LUMPUR 6 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat supaya mengelakkan cakap-cakap yang boleh menyakitkan hati antara kaum kerana ia tidak mendatangkan faedah kepada sesiapa.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan memang mengamalkan dasar terbuka "tapi kadang - kadang ada yang melampaui batas."

Katanya, semua pihak hendaklah berhati-hati supaya tidak menyentuh soal kaum atau mengenai "siapa lebih dan siapa kurang."

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata demikian ketika ditanya oleh para pemberita selepas upacara perasmian Seminar Kebangsaan Kebajikan Masyarakat di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Menjawab satu pertanyaan Perdana Menteri berkata adalah lebih baik jika seseorang itu tidak membuat kenyataan kalau kenyataannya didapati boleh menyinggung hati orang lain.

Perdana Menteri berkata, rakyat boleh bercakap mengenai apa juga perkara asalkan ia bukan soal-soal perkauman dan perkara - perkara yang boleh membawa kepada perpecahan di antara masyarakat.

Menjawab satu soalan beliau menambah beliau tidak nampak sebarang sebab kenapa seseorang itu takut untuk bercakap jika apa yang dipercakapkan adalah mengenai perkara - perkara lain.

"Banyak perkara boleh disentuh.

"Cuma soal perkauman saja kita tak suka bagi publisiti. Soal lain nak cakap, cakaplah," kata beliau.

Ditanya bagaimana pula jika ada perkara-perkara yang melibatkan sesuatu kaum, Perdana Menteri menegaskan bahawa seseorang itu boleh bercakap menerusi saluran tertentu.

"Semua orang boleh mengemukakan pendapat sama ada melalui parti politik atau badan-badan tertentu, tak payah heboh-heboh.

"Perkara yang berlaku di satu kampung, nak cerita

LIHAT MUKA 6

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

ELAKKAN CAKAP BOLEH SAKITKAN HATI — PM

seluruh Malaysia. Itu boleh menimbulkan salah faham."

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, kerajaan memang memberi perhatian kepada pandangan - pandangan yang dikemukakan tetapi ada setengah - setengah orang tidak sabar dan buat kenyataan dalam akhbar.

"Bila seorang buat kenyataan, orang lain pula akan sambut dengan kenyataan lain dan ini boleh menyakitkan hati," tambah beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengulangi, bahawa kerajaan memang mengamalkan dasar terbuka, tapi kadang - kadang ada pihak yang

melampaui batas.

Bagaimanapun, katanya, sekarang semua pihak lebih berhati-hati dalam kenyataan mereka. Perdana Menteri yakin keadaan kebimbangan itu akan lama - kelamaan pulih seperti sediakala.

Ditanya apakah pengharaman perhimpunan yang dikuatkuasakan baru-baru ini bermakna bahawa perhimpunan agung parti - parti politik juga tidak dibenarkan dalam masa setahun ini, termasuk kongres USNO bulan ini, beliau menjelaskan:

"Saya fikir kemudian sikit kita boleh adakan. Buat sementara waktu polis masih merasa ragu-ragu, takut ada apa-apa berlaku."